

Pekerja pembinaan maut jatuh 10 meter

Kuala Lumpur: Seorang pekerja pembinaan maut terjatuh dari ketinggian lebih 10 meter manakala dua lagi terselamat selepas gelangsar gantri roboh di tapak pembinaan landasan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (MRT SSP) di Jinjang di sini, lewat malam semalam.

MMC Gamuda KVMRT Sdn Bhd (MMC Gamuda) dalam kenyataannya berkata, kedua-dua mangsa sedang mengendalikan gelangsar gantri berkenaan ketika kejadian itu jam 11.40 malam.

"Kedua-dua mangsa dikejarkan ke hospital namun seorang disahkan meninggal dunia. Bagaimanapun seorang lagi mangsa dilaporkan dalam keadaan stabil," kata kenyataan itu.

Insiden itu tidak membatiskan orang awam kerana kejadian berlaku dalam lokasi tapak pembinaan.

"Tapak pembinaan di bawah Pakej Kerja V203 dan kontraktor pakej kerja (WPC) itu adalah pihak IJM Construction Sdn Bhd.

"Susulan kejadian itu, pihak MMC Gamuda bersama MRT Corporation Sdn Bhd kini menjalankan siasatan berhubung punca sebenar insiden," katanya.

Kenyataan itu menyebut, penggunaan gelangsar gantri di tapak MRT mengikut prosedur keselamatan yang ketat dan disahkan selamat.

"Bagaimanapun, bagi mengelak kejadian sama berulang, kami pertingkatkan lagi prosedur dan pemerik-



KHIRUDIN

saan keselamatan di semua gelangsar gantri yang digunakan di tapak projek.

"Selain itu, pihak MMC Gamuda dan MRT Corporation menzahirkan simpati dan takziah kepada keluarga mangsa, malah kami beri segala bantuan diperlukan kepada mereka," katanya.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahman, berkata seorang pekerja dilaporkan jatuh, manakala dua lagi pekerja terselamat dan masih berada pada gelangsar gantri pada ketinggian kira-kira 12 meter.

"Anggota kami menggunakan jentera Turn Table Ladder (TTL) untuk menurunkan kedua-dua mangsa. Seorang cedera pada kaki manakala seorang lagi tidak cedera.

"Mangsa terakhir diturunkan sekitar jam 1.15 pagi dan operasi menyelamat ditamatkan sepenuhnya pada jam 2 pagi," katanya.